

14/01/2003

Puteri Umno sokong syor PM

KUALA TERENGGANU: Puteri Umno Terengganu menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya diadakan perbincangan dengan setiap negeri bagi menyelesaikan masalah penyeragaman sistem perundangan Islam negara ini.

Ketuanya, Nordiana Shafie, berkata bagi menjaga kesucian agama, wajar sistem perundangan Islam diseragamkan untuk mengelak berlakunya percanggahan hukuman antara negeri.

Katanya, jika perundangan Islam bercelaru, ini akan menimbulkan pertikaian dan meragukan orang bukan Islam terhadap undang-undang Islam.

"Puteri Umno negeri memandang serius ketidakseragaman keputusan antara Mahkamah Syariah Terengganu dan Kedah berhubung hak penjagaan anak seperti dialami Siti Fauziah Abdul Rahman dan bekas suaminya, Mohsen Mohd Noor," katanya .

Nordiana mengulas mengenai kewibawaan Mahkamah Syariah yang dipersoalkan berikutan kes seorang ibu yang menjadi mangsa ketidakseragaman sistem perundangan.